

10 DEC 1999

Profil-Azmi

AZMI - MENTERI PERTAMA DARI PERLIS

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Azmi Khalid menjadi orang pertama dari Perlis dilantik ke kabinet apabila dinamakan sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dalam barisan jemaah menteri yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Azmi, 58, yang memenangi kerusi Parlimen Padang Besar padapilihan raya umum 29 Nov lepas, sebelum ini merupakan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Selepas memenangi pilihan raya umum 1995, jawatan pertama yang dipegangnya ialah sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Pada Mei 1997, beliau dilantik Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selama dua tahun.

Azmi yang berkelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya pada 1965 dan Diploma Lepas Ijazah dari Institut Kajian Sosial, The Hague, mula berkhidmat dalam kerajaan pada 1965 sebagai Penolong Pegawai Daerah di Kuala Selangor.

Pada tahun 1966, beliau menjadi Penolong Setiausaha Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor, dilantik Setiaushanya pada 1971, dan seterusnya menjadi Timbalan Pengurus Besar dari tahun 1975 hingga 1978.

Azmi merupakan antara orang yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pembangunan bandar Shah Alam dan Bangi.

Dalam sektor swasta, Azmi pernah menjadi Pengarah Urusan Cima Bhd, sebuah kilang simen di Chuping, Perlis dan Pengurus Besar Kanan Talasco Insurance Sdn Bhd.

Azmi berkahwin dengan Datin Yasmin Abdullah dan dikurniakan empat orang anak.

-- BERNAMA

HS MAI